

VIP salah guna kuasa tak terlepas tindakan

Jawatan kerajaan, parti bukan jaminan elak hukuman: TPM

Oleh Ahmad Ghazali Musa

PEKAN: Datuk Seri Najib Razak berkata siasatan yang dilakukan pihak berkuasa terhadap golongan kenamaan termasuk ahli parti komponen Barisan Nasional (BN) akan dilakukan tanpa mengambil kira kedudukan mereka.

Timbalan Perdana Menteri berkata, individu yang menyalahgunakan kuasa dan kedudukan dalam kerajaan mahu pun parti untuk kepentingan peribadi tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang.

Beliau berkata, siasatan terhadap golongan kenamaan termasuk di kalangan ahli parti komponen BN dilakukan tanpa mengambil kira kedudukan mereka.

"Siasatan tetap dijalankan sekiranya mereka disyaki menyalahgunakan kuasa dan tindakan sewajarnya diambil terhadap setiap tindakan salah laku itu," katanya di sini, semalam.

Najib berkata demikian selepas menyampaikan dividen Rancangan Tanah Baru Berkelompok (RTBB) dan Tanam Semula Komersial (TSK) Pekebun Kecil Risda Peringkat Kebangsaan dan Parlimen Pekan di sini, semalam.

Tahun ini, Risda mengagihkan dividen RTBB berjumlah RM55.1 juta kepada 16,080 peserta, manakala dividen TSK berjumlah RM35 juta kepada 22,139 peserta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, agensi berkenaan mengagihkan RM695,093 dividen RTBB kepada 308 peserta dan RM1.5 juta dividen TSK kepada 740 peserta di kawasan Pahang Timur.

Beliau berkata demikian ketika mengulas isu pembinaan banglo membabitkan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pelabuhan Klang, Datuk Zakaria Md Deros.

Zakaria dikatakan membeli tanah bagi pembinaan banglonya di Pan-

damaran itu pada harga yang terlalu rendah daripada kerajaan negeri. Beliau juga dikatakan tidak mengikuti spesifikasi pembinaan bangunan seperti ditetapkan.

Najib yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, bagi Umno ia tidak mengganggu siasatan terhadap salah laku ahlinya yang memegang jawatan tinggi dalam parti.

"Imej kita tidak terjejas berikutan kes sedemikian kerana ia hanya membabitkan perilaku individu," katanya.

Dalam perkembangan lain, Najib meminta agensi penguat kuasa lebih berhati-hati apabila mengendalikan

FAKTA NOMBOR

Dividen RTBB Risda

RM55.1j

Pengagihan dividen RTBB

16,080

Peserta menerima dividen

siasatan kes berprofil tinggi.

Sambil memberikan contoh kes pemalsuan permit import (AP) membabitkan tiga syarikat termasuk dimiliki Senator Datuk Muhammad Abdul Ghani, Najib berkata, Kastam Diraja Malaysia (KDRM) perlu berhati-hati dalam siasatannya.

"Kita tidak menghalang mereka (agensi penguat kuasa) membuat kenyataan. Bagaimanapun, kita tidak galakkan mereka membuat pengumuman awam hasil siasatan sehingga sekurang-kurangnya sampai peringkat pendakwaan bagi memastikan siasatan kes tidak terganggu," katanya.